Mingguan Katolik
# HERALD

September 6, 2026

www.heraldmalaysia.com

*Janganlah kamu berhutang apa-apa kepada siapa pun juga, tetapi hendaklah kamu saling mengasihi. Sebab sesiapa mengasihi sesamanya manusia, ia sudah memenuhi hukum Taurat. Kerana perintah-perintah, "Jangan berzina", "Jangan membunuh", "Jangan mencuri", "Jangan ingini milik orang lain" dan perintah-perintah yang lain adalah terangkum dalam perintah ini, "Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri."* **Roma 13: 8-9**

# CFM seru rakyat pelihara perpaduan dalam kepelbagaian



KUALA LUMPUR: Persekutuan Kristian Malaysia (CFM) menyeru seluruh rakyat supaya terus memelihara perpaduan dalam kepelbagaian serta berganding bahu membina Malaysia yang berteraskan sikap saling menghormati, keadilan dan keamanan.

Dalam perutusan sempena Hari Merdeka dan Hari Malaysia 2026 bertarikh Ogos 26, CFM berkata pembentukan Malaysia telah melahirkan identiti bersama yang menyatukan rakyat tanpa mengira kaum, agama atau latar belakang sejarah.

CFM menegaskan bahawa perpaduan bukan bererti keseragaman. Sebaliknya, kekuatan negara terletak pada kesediaan rakyat menghormati dan meraikan perbezaan sambil mempertahankan identiti, budaya serta kepercayaan masing-masing.

CFM turut mengingatkan rakyat agar berwaspada terhadap pandangan sempit dan ideologi ekstrem yang boleh meretakkan keharmonian serta mengancam masa depan bersama.

# Liturgi harus suburkan



# iman, persaudaraan dan kedamaian

**TAKHTA SUCI: Sri Paus Leo XIV menyeru Gereja agar memperkukuh hubungan antara katekesis dengan perayaan liturgi supaya proses inisiasi Kristian dapat membawa umat kepada Kristus.**

Sri Paus menyampaikan perutusan kepada para peserta Minggu Liturgi Kebangsaan Ke-76 yang berlangsung di bandar Catania, Itali.

Acara yang diadakan pada Ogos 24 hingga 27 itu mengangkat tema "Gereja yang Melahirkan: Liturgi dan Inisiasi Kristian."

Perutusan yang ditandatangani oleh Kardinal Setiausaha Negara Pietro Parolin itu menyifatkan tema berkenaan sebagai sesuatu yang "amat penting" bagi Gereja pada masa kini.

Sri Paus Leo mengingatkan bahawa inisiasi Kristian tidak boleh difahami semata-mata sebagai "persiapan untuk menerima sakramen." Sebaliknya, proses itu harus menjadi "rahim" rohani, tempat komuniti Gereja membimbing umat untuk bertumbuh dalam iman dan membina persekutuan dengan Tuhan.

Sri Paus menekankan bahawa kesatuan antara katekesis dengan perayaan yang telah menjadi ciri Gereja sejak awal, ketika umat Kristian pertama "bertekun dalam pengajaran para rasul dan dalam persekutuan, dalam pemecahan roti dan doa."

Oleh itu, beliau mengajak komuniti Kristian kembali kepada sumber tersebut dengan memperkukuh peranan liturgi dalam pembentukan iman Kristian.

Menurut Sri Paus Leo, dalam liturgi, "misteri Kristus merangkul kita, mengubah kita dan menjadikan kita ciptaan baharu."

Berdasarkan katekesisnya mengenai Konstitusi Konsili Vatikan II, *Sacrosanctum Concilium*, Sri Paus menegaskan bahawa ritus liturgi Kristian merupakan "pengantaraan gerejawi yang melaluinya kurnia ilahi sampai kepada kita."

Menurut beliau, pemahaman ini menuntut Gereja untuk menemui kembali makna mendalam di sebalik gerak isyarat dan simbol liturgi sebagai ungkapan *actuosa participatio*, iaitu penyertaan aktif umat beriman.

Oleh itu, umat Katolik, khususnya mereka yang baru memulakan perjalanan iman, perlu diperkenalkan kepada bentuk-bentuk perayaan yang membuka hati mereka kepada karya Tuhan.

Sri Paus turut menjelaskan bahawa liturgi merupakan perayaan bersama umat beriman. Katanya, liturgi membentuk umat Kristian dalam persekutuan kerana liturgi dirayakan sebagai tindakan satu tubuh gerejawi. Hal ini menuntut sikap hormat dan kesetiaan terhadap ritus-ritus Gereja.

Sri Paus Leo menggalakkan para pastor dan katekis supaya mengajar umat menghargai "kesederhanaan yang luhur dalam gerak isyarat liturgi," sekali gus membantu mereka memahami dan menghayati kekayaan maknanya.

Prelatus itu menyifatkan liturgi sebagai "tempat istimewa untuk mendengarkan Sabda Tuhan" menerusi pewartaan Kitab Suci.

Pada akhir ucapannya, Sri Paus Leo XIV menggesa para pemimpin pastoral Gereja supaya memupuk semangat menerima, mistagogi dan kesaksian hidup.

"Hanya dengan cara ini," katanya, "iman yang lahir daripada altar akan dapat menjangkau lorong-lorong kehidupan manusia serta menghasilkan buah kebaikan, perdamaian dan kedamaian." **Media Vatikan**

## Doa untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026)

Tuhan,
Engkau memanggil kami
untuk berjalan bersama sebagai umat-Mu,
ditarik ke dalam kehidupan persekutuan
Bapa, Putera, dan Roh Kudus.

Bimbinglah kami semasa kami bersiap
untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026.
Ajarlah kami untuk mendengar dengan
mendalam, untuk menilai dengan setia,
dan untuk mempercayai ke mana
Engkau memimpin kami.

Kami menyerahkan di hadapan-Mu
empat aspek yang sedang kami
pertimbangkan bersama.

Berkatilah keluarga kami,
agar mereka menjadi tempat cinta,
iman, pengampunan, dan harapan.

Perbaharuilah Gereja kami,
agar kami dapat berkembang dalam
persekutuan, penyertaan, dan saksi yang
penuh kegembiraan kepada Injil.

Bukalah hati kami kepada jeritan ciptaan,
agar kami dapat menjaga bumi
dengan rasa hormat, tanggungjawab,
dan kesyukuran.

Bimbinglah kehidupan kami dalam
komuniti, agar kami dapat mencari
keadilan, mempromosikan keamanan,
dan berdiri dalam solidariti dengan yang
miskin dan yang terpinggir.

Ketika arah tuju pastoral lahir
daripada pertimbangan kami, semoga ia
memperkaya dan menguatkan komuniti
iman tempatan kami.

Dengan Maria, Bonda Gereja,
yang merenungkan Firman-Mu dan
berjalan dalam iman, ajarilah kami untuk
berjalan bersama dalam harapan.

Kekalkan kami agar terus berakar
dalam Kristus, penuh perhatian
terhadap satu sama lain,
dan terbuka kepada
karya Roh Kudus-Mu.

Semoga Konvensyen ini
membantu kami hidup dengan lebih setia
sebagai satu Gereja Katolik Malaysia,
melayani di tanah yang kami cintai ini.

Melalui Kristus Tuhan kita.
Amin

*(terjemahan-HERALD)*

# Kesetiaan yang membawa kita pulang

Lebih daripada apa pun, kita mendambakan sebuah tempat yang dapat kita sebut "rumah". Kerinduan mendalam terhadap keakraban, rasa aman dan ketenangan sebenarnya ialah kerinduan untuk pulang. Kita terus mencari seseorang atau sesuatu yang mampu membawa kita kembali ke tempat itu.

Namun, apakah yang dimaksudkan dengan "rumah"? Adakah ia sebuah keluarga, kediaman, bandar, negara, insan yang dicintai, bahasa atau kelompok etnik?

Makna rumah melampaui semua itu. Kita boleh menemukan rumah dalam pelbagai keluarga, kediaman, bandar, negara, kelompok etnik dan bahasa. Namun, kita juga boleh berasa jauh dari rumah meskipun berada dalam keluarga, kediaman, bandar, negara dan kelompok etnik sendiri.

Rumah ialah sebuah tempat di dalam hati, bukan sekadar hubungan darah, bangunan, bandar atau asal-usul etnik. Rumah ialah ruang yang dalam dan rapuh dalam diri kita, tempat kita menyimpan serta melindungi segala yang paling berharga.

Di situlah, secara misteri dan sukar dijelaskan, kita mengingati bahawa jauh sebelum kesedaran diri kita terbentuk, kita pernah di belai oleh tangan yang jauh lebih lembut daripada mana-mana tangan yang pernah menyentuh kita dalam kehidupan ini.

Di situlah juga kita pernah disentuh oleh kebenaran dan keindahan yang begitu sempurna sehingga menjadi ukuran tersembunyi yang kita gunakan untuk menilai segala-galanya.

Rumah ialah tempat segala-galanya terasa benar; tempat perkara yang paling kita hargai turut dihargai. Rumah ialah tempat suara hati yang lembut dan peka dipelihara, serta keakraban dapat dialami.

Kita tahu apabila kita sudah sampai ke tempat itu, dan kita juga tahu apabila kita masih jauh daripadanya. Rumah dikenali melalui gerak hati—rasa batin—ketenangan, kebaikan dan rasa aman yang kita alami, atau yang kita sedari tidak kita miliki.

Kadangkala orang bertanya kepada saya,



"*Bagaimanakah saya tahu bahawa cinta saya terhadap seseorang cukup kukuh untuk dijadikan dasar sebuah perkahwinan*?"

Saya menjawap, "*Cinta ialah suatu misteri dan tiada jaminan mutlak. Namun, tanyalah diri sendiri: Adakah orang ini membawa saya pulang? Atau adakah cinta ini—walaupun terasa sangat kuat dan mengujakan—akhir nya menjadi sesuatu yang perlu saya tinggalkan untuk pulang*?"

Ada perbezaan besar antara berkongsi perasaan yang mendalam dengan seseorang dan membina kehidupan serta rumah bersamanya.

Ada perbezaan besar antara hubungan cinta yang sementara dengan sebuah perkahwinan, serta antara menikmati bulan madu dengan membina seluruh kehidupan bersama seseorang.

Banyak jenis cinta mampu mencipta suasana bulan madu, tetapi hanya satu jenis cinta benar-benar membawa kita pulang.

Namun, setelah menemukan rumah, kita masih berhadapan dengan satu cabaran lagi: bagaimana untuk terus tinggal di dalamnya. Sudah tentu, yang dimaksudkan bukanlah tinggal di rumah secara harfiah, tetapi dalam pengertian yang lebih mendalam.

Dalam Injil, sebaik sahaja Petrus menyangkal Yesus, kita diberitahu bahawa dia "keluar". Perkataan itu bukan sekadar menggambarkan suatu pergerakan fizikal—seseorang melangkah keluar melalui pintu.

Maksudnya, Petrus telah keluar daripada dirinya sendiri, daripada jati dirinya, daripada suara hatinya dan daripada cara hidup yang selama ini dipercayainya.

Dia "keluar" seperti seseorang yang melangkah keluar daripada batas moralnya sendiri dan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan nilai serta keyakinan yang selama ini dipegangnya.

Selepas itu, dia perlu pulang. Mengapa? Kerana seperti Petrus, dia telah "keluar". Setiap perbuatan yang bercanggah dengan suara hati membawa seseorang jauh daripada rumah batinnya, walaupun perbuatan itu dilakukan di dalam kediamannya sendiri. Dari segi moral dan psikologi, perbuatan itu dilakukan jauh dari rumah—di "luar".

Ada satu jenaka kasar yang menggambarkan ironi ini. Soalannya berbunyi, "Apakah yang dilakukan oleh mereka yang mengamalkan hubungan seks rambang selepas selesai bersama?" Jawapannya, "Mereka pulang ke rumah!"

Di sebalik jenaka itu tersembunyi suatu ironi yang menyedihkan. Hubungan seksual tidak sepatutnya menjadi sesuatu yang membuatkan kita perlu pulang selepas mengalaminya.

Sebaliknya, hubungan itu seharusnya membawa kita pulang dan turut membentuk sebuah rumah.

Keakraban sejati ialah rumah. Jika kita merasakan perlu "pulang" daripada sesuatu pengalaman, itu merupakan petanda yang jelas bahawa pengalaman tersebut akhirnya tidak memberikan kehidupan kepada kita.

Pemahaman ini membawa kesan yang besar terhadap cara kita melihat kehidupan. Dalam Injil, Yesus berkata, "Kepadamu—mereka yang berada dalam lingkaran pemahaman—telah dinyatakan rahsia Kerajaan Allah, tetapi bagi mereka yang berada di luar, segala-galanya menjadi teka-teki."

Siapakah yang berada "di dalam" dan siapakah yang berada "di luar" lingkaran pemahaman itu? Siapakah yang memahami rahsia tersebut dan siapakah yang gagal memahaminya?

Memahami atau tidak memahami rahsia itu bukanlah soal kecerdasan, pendidikan, nasib ataupun menemukan buku atau guru yang tepat.

Sebaliknya, kita berada "di dalam" lingkaran pemahaman dan mampu memahami Injil apabila kita berada "di rumah"—ketika kita setia kepada kebenaran terdalam dalam diri, setia kepada suara hati dan tidak "keluar" secara moral seperti yang dilakukan oleh Petrus. Apabila kita hidup dalam kesetiaan moral, kita akan memahami Injil.

Sebaliknya, kita gagal memahaminya apabila kita "keluar", meninggalkan rumah batin dan tidak lagi setia kepada suara hati, sebagaimana Petrus pernah berlaku tidak setia.

Kita mengetahui kebenaran ini melalui pengalaman sendiri. Apabila kita hidup dalam kesetiaan, Injil terasa masuk akal dan menyentuh hati.

Namun, apabila kita tidak setia, kita segera dipenuhi pelbagai bantahan, kita mula menyimpan kepahitan dan mula mempertikaikan kebenaran yang pernah kita percayai. T.S. Eliot pernah berkata, "Rumah ialah tempat kita bermula."

Rumah juga merupakan tempat yang membantu kita memahami segala sesuatu yang benar-benar memberikan kehidupan kepada kita—dan segala sesuatu yang tidak. **Hakcipta Terpelihara @ Fr Ron Rolheiser 1999-2026**



# Membawa saudara kembali kepada Tuhan

**HARI MINGGU BIASA KE-22**
**TAHUN A**
***YEHEZKIEL 33:7–9;***
***ROMA 13:8–10;***
***INJIL MATIUS 18:15–20***

Pada Hari Minggu Biasa Ke-23 ini, Sabda Tuhan mengajak kita merenungkan tanggungjawab terhadap saudara dan saudari yang tersilap jalan. Tuhan tidak memanggil kita untuk menjadi hakim yang suka mencari kesalahan orang lain.

Sebaliknya, kita dipanggil menjadi penjaga yang berani menyampaikan kebenaran dengan kasih, demi membawa seseorang kembali kepada jalan Tuhan.

Dalam bacaan pertama, Tuhan melantik Yehezkiel sebagai penjaga bagi umat Israel.

Seorang penjaga tidak boleh berdiam diri apabila melihat bahaya sedang mendekat. Jika dia tidak memberikan amaran, dia turut bertanggungjawab atas kebinasaan yang berlaku.

Namun, apabila dia sudah memberikan peringatan, dia telah melaksanakan kewajibannya. Pesanan ini juga ditujukan kepada kita.

Apabila melihat seseorang melakukan perkara yang salah, kita tidak seharusnya bersikap acuh tak acuh dengan berkata, "Itu bukan urusan saya." Kasih sejati tidak membiarkan orang yang dikasihi terus berjalan menuju kehancuran.

Namun demikian, menegur bukan bererti menghukum, memalukan atau menyebarkan kesalahan seseorang.

Santo Paulus dalam bacaan kedua memberikan dasar kepada semua tindakan kita: "Kasihilah sesamamu manusia seperti dirimu sendiri."

Menurut Paulus, kasih tidak berbuat jahat terhadap sesama; oleh itu, kasih merupakan kepenuhan hukum Taurat. Jika teguran kita lahir daripada kemarahan, dendam, perasaan diri lebih suci atau keinginan untuk menjatuhkan seseorang, teguran itu belum benar-benar bersifat Kristian.

Teguran yang sejati lahir daripada hati yang menginginkan pertobatan, pemulihan dan keselamatan orang lain.

Dalam Injil, Yesus menunjukkan langkah yang sangat bijaksana untuk menyelesaikan perselisihan.

Pertama, pergilah dan berbicaralah dengan orang yang bersalah itu secara peribadi. Langkah ini menjaga maruahnya dan memberinya ruang untuk menjelaskan keadaan serta memperbaiki kesalahan.

Yesus tidak menyuruh kita segera menceritakan kesalahannya kepada keluarga, kumpulan WhatsApp atau seluruh komuniti.

Gosip mungkin kelihatan seperti usaha mencari sokongan, tetapi sebenarnya dapat memperparah luka dan merosakkan nama baik seseorang.

Namun, nasihat untuk berbicara secara peribadi tidak bererti seseorang perlu menghadapi orang yang ganas atau berbahaya seorang diri.

Jika kesalahan itu melibatkan penderaan, keganasan atau ancaman keselamatan, kita mesti segera mendapatkan bantuan daripada keluarga, pemimpin Gereja dan pihak berkuasa yang berkenaan. Jika perbincangan secara peribadi tidak berhasil, bawalah seorang atau dua orang yang matang dan dipercayai.

Mereka hadir bukan untuk menyerang atau memihak, tetapi untuk membantu kedua-dua pihak mendengar dengan jujur. Jika usaha itu juga gagal, perkara tersebut dibawa kepada Gereja.

Ini menunjukkan bahawa Gereja ialah sebuah keluarga yang turut bertanggungjawab membantu anggotanya berdamai dan kembali kepada kebenaran.

Tujuannya tetap sama, iaitu membawa kembali saudara yang tersesat, bukan menyingkirkannya dengan penuh kebencian.

Kata-kata Yesus tentang "mengikat" dan "melepaskan" mengingatkan kita bahawa Gereja menerima tanggungjawab rohani untuk membimbing umat dalam iman dan moral.

Tanggungjawab ini mesti dilaksanakan dengan kebijaksanaan, belas kasihan dan kesetiaan kepada ajaran Kristus. Pengampunan tidak bermaksud menganggap kesalahan sebagai perkara remeh.

Sebaliknya, pengampunan membuka pintu kepada pertobatan, penyembuhan dan hubungan yang diperbaharui.

Yesus juga berjanji bahawa apabila dua orang bersetuju untuk meminta sesuatu dalam doa, Bapa akan mendengarkan mereka. "*Di mana dua atau tiga orang berkumpul dalam nama-Ku, di situ Aku ada di tengah-tengah mereka*."

Kehadiran Kristus menjadi dasar kehidupan komuniti. Ketika menghadapi konflik, kita bukan sahaja memerlukan kemahiran berbicara, tetapi juga kerendahan hati untuk berdoa bersama.

Doa melembutkan hati, membersihkan niat dan menolong kita melihat sesama bukan sebagai musuh, tetapi sebagai saudara yang juga dikasihi Tuhan.

Sabda hari ini mengajak kita menegur dengan kasih serta bersedia menerima teguran dengan rendah hati demi memperbaiki diri.

Marilah kita memohon rahmat agar keluarga, komuniti dan Gereja kita menjadi tempat orang saling menjaga, bukan saling menjatuhkan.

Semoga setiap teguran disampaikan dengan lemah lembut, setiap kesalahan diakui dengan rendah hati dan setiap konflik diselesaikan dalam doa. Apabila kasih menjadi dasar tindakan kita, kebenaran tidak lagi menjadi senjata yang melukai, tetapi jalan yang membawa kita kembali kepada persaudaraan dan kepada Kristus. **Fr Mark P, Lentera Kehidupan**

# Pemberkatan Gereja baharu



## kemuncak enam dekad perjalanan iman

BAU: Kira-kira 1,000 umat dan tetamu membanjiri Gereja St Thomas Apostle, Kampung Skiat Baru baru-baru ini bagi menyaksikan pemberkatan bangunan Gereja baharu serta penerimaan Sakramen Penguatan oleh kira-kira 250 calon.

Uskup Agung Kuching, Dr Simon Poh, memimpin upacara pemberkatan Gereja dan menyempurnakan Sakramen Penguatan kepada para calon Krisma.

Turut hadir ialah ADUN Tasik Biru merangkap Timbalan Menteri Pengangkutan Sarawak (Sungai dan Laut), YB Datuk Henry Harry Jinep, serta wakil kepada Ahli Parlimen Mas Gading, YB Mordi Bimol.

**Bermula dengan dua keluarga**

Sejarah Gereja St Thomas Apostle bermula pada 1964 apabila hanya dua keluarga di Kampung Pelaman Skiat, iaitu keluarga Juan anak Busin dan Moyak anak Tudian, memeluk agama Kristian. Ketika itu, ketiadaan chapel menyebabkan mereka perlu berjalan ke Gereja St Francis di Simpang Kuda untuk mengikuti ibadat hari Minggu.

Apabila bilangan keluarga Kristian bertambah kepada 10, penduduk mengambil inisiatif membina chapel sendiri. Dengan kelulusan Bau Mission, chapel pertama dibina secara gotong-royong pada 1973 di atas tanah yang disumbangkan oleh Tingas dan Daop.

Bangunan sederhana beratapkan dan berdinding buluh itu kemudiannya diberkati oleh Fr Luis Schwabi dan dinamakan Gereja St Thomas Apostle, Batu 4, Kg Pelaman Skiat. Joseph Tohet dilantik sebagai Pemimpin Doa pertama.

Pertambahan umat sekali lagi menyebabkan chapel tersebut tidak lagi mampu menampung kehadiran umat. Pembinaan gereja yang lebih besar bermula pada 1980 dan siap pada 1983.

Perkembangan iman Katolik di kawasan itu terus menyaksikan pertambahan umat. Menjelang 2017, Gereja St Thomas Apostle mempunyai 148 keluarga dengan 876 umat, selain pelayanan Sekolah Minggu dan pertubuhan awam seperti *Ladies' Guild*, *Catholic Youth Movement* dan *Legion of Mary.*

**Gereja baharu hasil usaha bersama**

Pada tahun 2020, jumlah keluarga berdaftar meningkat kepada 215 dengan kira-kira 930 penduduk Katolik. Keadaan itu mendorong pembentukan Jawatankuasa Pembangunan dan Pembinaan Gereja yang diketuai Petrus Misell bagi membangunkan sebuah gereja baharu di tapak yang sama.

Pembinaan dilaksanakan secara berperingkat dari 2022 hingga 2025 dengan sokongan geran *Unit for Other Religions* (UNIFOR), peruntukan wakil rakyat serta sumbangan dan usaha gotong-royong penduduk kampung.

Gereja baharu berukuran 95 kaki x 68 kaki itu mampu menampung sehingga 500 umat pada satu-satu masa. Ia turut dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk tandas, bilik stor, bilik petugas, bilik persalinan, grotto dan dewan gereja.

Keseluruhan projek menelan belanja kira-kira RM944,000, termasuk sumbangan bahan dan tenaga kerja. Daripada jumlah tersebut, RM650,000 merupakan geran UNIFOR, manakala RM100,000 diperoleh menerusi peruntukan Projek Transformasi Luar Bandar (RTP) daripada YB Datuk Henry Harry Jinep dan YB Mordi Bimol.

Pemberkatan Gereja baharu yang disempurnakan oleh Uskup Agung Simon Poh bukan sekadar menandakan siapnya sebuah bangunan, tetapi menjadi kemuncak perjalanan iman sebuah komuniti yang bermula dengan hanya dua keluarga lebih enam dekad lalu dan kini berkembang menjadi komuniti Katolik yang teguh dan hidup. **Sumber: Today's Catholic**

# St Sabina terajui usaha ekologi



LIMBAHAU: Sejak diisytiharkan sebagai Paroki Ekologi pada Mei 2024, paroki Holy Rosary Limbahau (HRL) terus mempergiat usaha memelihara alam ciptaan Tuhan, termasuk di stasi-stasi di bawah naungannya.

Baru-baru ini, Kapel St Sabina muncul sebagai juara dalam usaha ekologi selepas berjaya menceriakan kawasan chapel dengan pelbagai taman mini, tanaman herba serta penghasilan baja kompos.

Inisiatif tersebut bermula sempena sambutan Hari Wanita bertemakan "Wanita dan Ekologi" pada Mac lalu.

Dalam program itu, Sr Calista Saliun FSIC, Pengerusi Komisi Keadilan Ciptaan (CJC) Keuskupan Agung Kota Kinabalu, mencabar para wanita Katolik di HRL untuk mengambil tindakan nyata dalam memelihara dan menceriakan persekitaran chapel masing-masing.

"Selepas seminar ini, sebagai wanita Katolik, apa yang anda akan lakukan untuk menceriakan chapel anda?" katanya.

Cabaran itu menyuntik semangat kepada komuniti di beberapa chapel untuk berganding bahu mengindahkan kawasan masing-masing sebagai sebahagian daripada usaha menjaga alam ciptaan Tuhan.

Menjelang Musim Penciptaan, yang disambut dari September 1 hingga Oktober 4, Sr Calista bersama beberapa anggota Komiti CJC HRL dan CJC Keuskupan Agung Kota Kinabalu telah mengadakan lawatan ke kapel-kapel yang mengambil bahagian.

Rombongan begitu kagum menyaksikan transformasi kawasan yang dahulunya hanya berupa tanah dan bukit kosong, kini bertukar wajah menjadi landskap hijau yang berwarna-warni dan mempesona.

Menurut Sr Calista, usaha tersebut bukan sekadar aktiviti menceriakan kawasan chapel, tetapi mempunyai hubungan yang erat dengan kehidupan iman umat.

"Apa yang kamu lakukan sebenarnya mempunyai kaitan yang sangat erat dengan iman. Kita percaya bahawa Tuhan ialah Pencipta langit dan bumi. Sebab itu, apabila kita menghargai alam ciptaan, kita sebenarnya sedang menghargai dan menghayati ungkapan iman kita."

"Kita bukan hanya mewartakan Injil kepada manusia, tetapi melalui cara kita menjaga alam sekitar, kita juga menunjukkan penghargaan kepada seluruh ciptaan Tuhan," katanya.

Lawatan ke kapel-kapel yang mengambil bahagian berlangsung dari Ogos 17 hingga 23. Pada Ogos 23, semua wakil chapel kemudian berkumpul di Pusat Retret Pace Bene untuk mengikuti sesi katekesis serta pengumuman pemenang.

Turut hadir ialah Pn Rita Vitalis, Pengerusi Liga Wanita dan CJC HRL, serta beberapa wakil CJC Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Mengulas hasil lawatan tersebut, Sr Calista berkata usaha yang dilaksanakan oleh komuniti chapel memperlihatkan kesedaran yang semakin berkembang bahawa penjagaan ekologi bukan tanggungjawab segelintir individu atau kumpulan tertentu.

Sebaliknya, ia merupakan panggilan bersama seluruh umat paroki HRL untuk memelihara alam ciptaan dan mewartakan kasih Tuhan kepada seluruh ciptaan-Nya.

# Warisan misionari awal Kuala Penyu terus dikenang




KUALA PENYU: Seramai 78 pelayan rumah retret dari Tatal, Nulu Sosopon dan Purun menyertai rekoleksi selama dua hari di Rumah Retret Keuskupan Keningau Purun (RRKKP) pada Ogos 21 hingga 22 lalu.

Bertemakan "Bersatu dalam Pelayanan, Mewartakan Kasih Kristus", rekoleksi itu bertujuan mengeratkan persaudaraan, meningkatkan sikap saling mengenali serta memperbaharui semangat pelayanan dalam kalangan peserta.

Program turut diisi dengan aktiviti sukaneka dan Malam Solidariti yang menampilkan persembahan daripada ketiga-tiga rumah retret, sekali gus menyerlahkan bakat dan kreativiti peserta serta memperkukuh hubungan persaudaraan.

**Bonda Maria Pelindung Para Misionari Awal**

Pada keesokan harinya, sebelum Misa Kudus, Uskup Keningau, Cornelius Piong, bersama Fr Roney Mailap memberkati Grotto Bonda Maria Pelindung Para Misionari Awal.

Mengapa grotto itu dinamakan "Grotto Bonda Maria Pelindung Para Misionari Awal"?

Para misionari awal itu merupakan golongan pertama yang berusaha membawa Khabar Gembira ke Kuala Penyu walaupun berhadapan pelbagai cabaran.

Menurut Bapa Uskup, perjalanan para misionari itu mencerminkan rencana Tuhan serta penyertaan Bonda Maria yang menjadi sumber kekuatan dalam pelayanan mereka.

Sebagai mengenang penyertaan Bonda Maria dalam perjalanan para misionari, grotto di Rumah Retret Purun dinamakan Bonda Maria Pelindung Para Misionari Awal.

Uskup Cornelius turut berkongsi kisah yang pernah diceritakan oleh ahli keluarganya mengenai kehadiran para misionari awal di Kampung Batu Empat, lokasi gereja pertama sebelum dipindahkan ke tapak sekarang.

Katanya, kehadiran para misionari membawa sukacita kepada penduduk sehingga pemergian mereka turut diiringi dengan tangisan.

Prelatus itu berharap perjalanan dan persinggahan para misionari awal itu dapat didokumentasikan sebagai sebahagian daripada sejarah Gereja, khususnya paroki St Peter, agar menjadi sumber inspirasi kepada generasi akan datang.

Sementara itu, Fr Roney berkata pihak paroki akan berusaha mendokumentasikan peristiwa berkaitan sejarah perjalanan iman di kawasan Pedalaman Bawah, khususnya yang mempunyai kaitan dengan rumah retret dan beberapa lokasi yang disebut oleh Uskup Cornelius.

Selepas Misa, Uskup Cornelius menandatangani plak peringatan di Grotto Bonda Maria sebelum menyempurnakan penanaman "Pokok Iman" di belakang gereja bersama Fr Roney dan para pengerusi rumah retret Keuskupan Keningau, disaksikan umat yang hadir. **Stella Eming**

# Sahabat kecil Yesus

Kitab yang menceritakan kehidupan dan ajaran Yesus disebut? Tulis huruf mengikut bentuk yang diberikan untuk mendapatkan jawapan.








Berita Baik itu ialah



Isikan perkataan mengikut bentuk yang diberikan.






Hello anak-anak,

Pernahkah kamu bergaduh dengan adik, kakak atau kawan? Mungkin ada yang mengambil barang kamu tanpa izin, mengejek atau membuat kamu marah. Apakah yang biasanya kamu lakukan? Terus marah, membalas atau mengadu kepada semua orang?

Dalam Injil hari ini, Yesus mengajar kita cara menyelesaikan perselisihan dengan kasih. Jika seseorang melakukan kesalahan terhadap kita, Yesus meminta kita bercakap dengannya secara baik dan peribadi. Kita tidak perlu memalukannya di hadapan orang lain atau menceritakan kesalahannya kepada semua orang.

Kita boleh berkata, "Saya sedih apabila kamu berbuat begitu. Bolehkah kita berdamai?" Jika masalah itu belum dapat diselesaikan, kita boleh meminta bantuan orang yang dipercayai, seperti ibu bapa, guru, katekis atau paderi. Mereka boleh membantu kita bercakap, saling mendengar dan berdamai.

Anak-anak, memaafkan bukan bererti perbuatan yang salah itu menjadi betul. Memaafkan bererti kita tidak membalas kejahatan dengan kejahatan. Kita memilih untuk bercakap benar dengan penuh kasih dan memberi peluang kepada orang lain untuk berubah.

Anak-anak, marilah kita menjadi pembawa damai. Apabila kita saling mengasihi, memaafkan dan berdoa bersama, Yesus hadir di tengah-tengah kita.

Salam sayang
Auntie Melly

# Mari Mewarna

## Gereja Kita, Keluarga Kita




Cari perkataan tersembunyi




**MENGENAL NAMA JEMAAT CUKAI**
**BAPA PERMINTAAN SAKSI**

# BELIA



# Belia Keningau perkaya khazanah lagu liturgi tempatan

TENOM: Usaha memperkaya khazanah lagu liturgi hasil karya golongan muda tempatan terus diperkasakan menerusi Pesta Koir Belia Peringkat Keuskupan Keningau 2026 yang berlangsung di Paroki St Anthony, Tenom, pada Ogos 21 hingga 23.

Bertemakan "Lagu Pembukaan dan Pengutusan Misa Hari Minggu", pesta tersebut membuka ruang kepada para belia untuk menampilkan bakat serta menghasilkan karya baharu bagi kegunaan dalam perayaan liturgi. Pesta koir itu dimulakan dengan Misa Kudus pembukaan di Gereja St Anthony pada Ogos 21.

Dalam amanatnya, pembimbing rohani Komisi Belia Keuskupan Keningau, Fr Kennedy Nakudah, menegaskan bahawa pesta berkenaan bukan sekadar pertandingan, tetapi turut menjadi wadah untuk mengetengahkan bakat, menjalinkan persahabatan dan melayani Tuhan.

Beberapa sesi turut diadakan sepanjang pesta itu, termasuk perkongsian rohani mengenai cabaran, rahmat dan harapan para belia terhadap penganjuran Pesta Koir Belia.



Acara kemuncak berlangsung di Dewan Thung Sin, Tenom, pada malam Ogos 22. Sebanyak 10 pasukan yang mewakili 10 paroki di Keuskupan Keningau bersaing dalam pertandingan koir yang diadakan dua tahun sekali.

Kesemua pasukan mempamerkan persembahan terbaik dan menerima pujian daripada ketua juri.

Menurut beliau, Keuskupan Keningau amat bertuah kerana mempunyai ramai belia berbakat dalam bidang koir dan nyanyian.

Pada akhir pertandingan, pasukan belia paroki Katedral St Francis Xavier, Keningau, dinobatkan sebagai juara Pesta Koir Belia 2026.

Tempat kedua dimenangi oleh pasukan belia paroki St Theresa, Tambunan, manakala pasukan belia paroki St Anthony, Tenom, menduduki tempat ketiga.

Pasukan belia paroki St Valentine, Beaufort, pula menerima pengiktirafan sebagai pencipta lirik terbaik bagi kategori Lagu Pembukaan dan Pengutusan Misa Hari Minggu.

Pesta Koir Belia itu diharapkan menjadi langkah awal kepada penglibatan yang lebih luas serta penghasilan lebih banyak karya oleh golongan muda dalam pelayanan Gereja.

Dengan semangat, bakat dan iman yang dimiliki, para belia diharapkan terus menjadi suara yang menyebarkan sukacita serta memuliakan Tuhan dalam kehidupan Gereja. **Juanis Markus**

# Jangan takut bermimpi bersama Tuhan

RANAU: Sempena ulang tahun keempat pentahbisannya, seorang paderi mengajak golongan belia supaya berani membuka hati terhadap panggilan Tuhan dan tidak takut menyerahkan masa depan mereka kepada-Nya.



Mengimbas kembali saat beliau ditahbiskan empat tahun lalu, Fr Lasius Gantis yang berasal daridaerah Penampang, berkata perjalanan kepaderiannya bermula dengan keberanian untuk mengucapkan "Ya" kepada panggilan Tuhan.

"Empat tahun yang lalu, saya berdiri di hadapan altar Tuhan dan mengucapkan 'Ya' kepada panggilan-Nya. Hari ini, saya berdiri di sini dengan hati yang penuh kesyukuran kerana Tuhan terus setia membimbing saya dalam perjalanan pelayanan ini."

Bagi Fr Lasius, ulang tahun pentahbisan bukan sekadar kesempatan untuk mengenang perjalanan yang telah dilalui, tetapi juga peluang untuk mengajak generasi muda merenungkan panggilan Tuhan dalam kehidupan masing-masing.

Fr Lasius yang sekarang ini melayani di paroki Ranau mengatakan panggilan untuk menjadi paderi tidak semestinya datang melalui pengalaman luar biasa atau disedari dalam sekelip mata.

"Panggilan Tuhan bukanlah seperti kilat yang menyambar dari langit. Selalunya, panggilan Tuhan hadir secara perlahan-lahan melalui keluarga, Gereja, para paderi, katekis, sahabat-sahabat dan pengalaman hidup," katanya.

Justeru, Fr Lasius mengingatkan golongan belia supaya tidak menjadikan rasa takut sebagai penghalang untuk mendengar suara Tuhan dan menemukan kehendak-Nya dalam kehidupan mereka. "Kepada para belia: Jangan takut bermimpi bersama Tuhan. Jangan takut menyerahkan hidup anda kepada-Nya. Jika Tuhan memanggil, jawablah dengan berani: 'Ya Tuhan, aku datang untuk melakukan kehendak-Mu'," katanya.

# 17 belia melangkah dengan karunia Roh Kudus

KUALA LUMPUR: Seramai 17 belia Katolik menerima Sakramen Penguatan di Gereja Sacred Heart of Jesus, Jalan Peel pada Ogos 9, menandakan permulaan kepada komitmen yang lebih mendalam untuk mengikuti Kristus.

Ritus itu dipimpin oleh Uskup Agung Julian Leow. Sebelum menerima Sakramen Penguatan, mereka telah mengikuti Kem Penguatan bertemakan "Aku menyertai kamu senantiasa sampai kepada akhir zaman" (Mat 28:16–20).

Dengan karunia Roh Kudus, mereka kini bertekad untuk terus bertumbuh dalam iman, melayani sesama dan menjadikan kasih Tuhan nyata dalam kehidupan seharian.

# Berita singkat antarabangsa

## Lindungi kebebasan beragama, pelihara keharmonian

BANDAR LAMPUNG: Para pemimpin pelbagai agama di wilayah Lampung, Indonesia, mengingatkan masyarakat supaya tidak mengganggu atau menganiaya sesiapa yang sedang beribadat serta menyeru agar kebebasan beragama dilindungi sebagai hak asasi manusia.

Pengerusi Forum Kerukunan Umat Beragama Lampung (FKUB), Moh Bahruddin, berkata pertikaian berkaitan peraturan agama, khususnya mengenai rumah ibadat, perlu diselesaikan melalui saluran undang-undang dan institusi yang berkenaan, bukannya melalui ugutan atau tindakan sepihak.

Beliau berkata demikian dalam sambutan seni dan kebudayaan antara agama sempena Hari Kemerdekaan Indonesia ke-81 di Asilo Hermelink, Bandar Lampung, pada Ogos 22.

Menurutnya, indeks keharmonian beragama Lampung mencapai 80.36, melebihi purata kebangsaan iaitu 79.

Uskup Tanjungkarang, Vinsensius Setiawan Triatmojo, pula menegaskan bahawa keadilan bukan sahaja dinilai berdasarkan pemenuhan keperluan golongan majoriti, tetapi juga berdasarkan layanan masyarakat terhadap golongan yang lemah dan memerlukan.

Program bertemakan toleransi, keharmonian dan keamanan itu menghimpunkan masyarakat Islam, Katolik, Protestan, Hindu, Buddha serta penganut kepercayaan tradisional. Sambutan tersebut turut menampilkan tarian tradisional, puisi dan persembahan lagu patriotik. **LiCAS News**

## Pembaptisan Katolik di Ireland semakin merosot

DUBLIN: Jumlah pembaptisan dalam Gereja Katolik di Ireland merosot hampir satu pertiga sejak 2015, menurut laporan terbaharu Institut Iona.

Laporan bertajuk Trend Pembaptisan di Ireland menyatakan bahawa kira-kira 60 peratus daripada keseluruhan penurunan sebanyak 30 peratus itu berpunca daripada kadar kelahiran yang semakin rendah, manakala selebihnya dikaitkan dengan peningkatan sekularisme.

Data banci menunjukkan bahawa peratusan penduduk Ireland yang mengaku beragama Katolik menurun daripada lebih 79 peratus pada 2016 kepada 69 peratus pada 2022.

Pada masa yang sama, semakin ramai penduduk mengaku tidak menganut sebarang agama.

Keuskupan Agung Dublin mencatat penurunan hampir 40 peratus, daripada 15,759 pembaptisan pada 2015 kepada 9,465 pada 2025. Keuskupan Meath pula mencatat penurunan tertinggi, iaitu sebanyak 40.8 peratus.

Daripada 26 keuskupan di Ireland, hanya Keuskupan Elphin mencatat peningkatan, iaitu sebanyak 0.9 peratus. Kebanyakan keuskupan lain mencatat penurunan antara 10.7 dengan 40.8 peratus.

Walaupun demikian, laporan itu mendapati bahawa kebanyakan ibu bapa yang mengaku beragama Katolik masih membaptis anak-anak mereka.

Laporan itu menunjukkan bahawa ramai ibu bapa Katolik masih mewariskan iman kepada anak-anak melalui pembaptisan.

Keadaan ini memberikan sedikit harapan bahawa amalan pembaptisan masih mempunyai tempat yang penting dalam kehidupan masyarakat Ireland, meskipun pengaruh sekularisme semakin kuat. **UCA News**

## Kerosakan bumi mencerminkan kekacauan hati

VATIKAN: Keganasan, ketidakadilan dan kerosakan alam sekitar bukan sekadar "akibat daripada sistem atau struktur yang rosak".

Sebaliknya, semua itu merupakan "gejala perpecahan lebih mendalam yang berakar dalam diri manusia," kata Sri Paus dalam perutusannya sempena Hari Doa Sedunia untuk Penjagaan Ciptaan 2026 yang disambut pada September 1.

"Oleh itu, luka akibat peperangan dan kerosakan bumi berkait rapat dengan keadaan hati manusia," tulis Sri Paus.

Menurut Bapa Suci, konflik yang menyeksa umat manusia dalam pelbagai cara merupakan gambaran luaran daripada ketidakharmonian dan perpecahan dalam diri manusia.

"Apabila hati menjadi kacau, hubungan turut terganggu dan struktur yang kita bina mula mencerminkan kekacauan tersebut," katanya.

Hari Doa Sedunia untuk Penjagaan Ciptaan menandakan bermulanya Masa Penciptaan yang bersifat ekumenikal.

Sambutan itu berakhir pada Oktober 4, bertepatan dengan Pesta Santo Fransiskus dari Assisi, santo penaung ekologi.

Tema 2026 ialah "Mereka akan menempa pedang-pedang mereka menjadi mata bajak dan tombak-tombak mereka menjadi pisau pemangkas," yang dipetik daripada Kitab Yesaya.

Pada Jun 2 lalu, Vatikan menjelaskan bahawa tema sambutan itu "menekankan hubungan antara konflik bersenjata dengan kerosakan alam sekitar".

"Tema tersebut, yang dipetik daripada nubuat Yesaya mengenai perubahan senjata menjadi peralatan pertanian, merupakan seruan tegas supaya pembangunan dan kelestarian diutamakan daripada keganasan dan kemusnahan," kata Vatikan. **Media Vatikan**



# Sri Paus seru dunia pilih peradaban kasih

VATIKAN: Ketika peperangan dan ketegangan geopolitik semakin meningkat, Sri Paus Leo XIV mengemukakan visi Katolik mengenai hubungan antarabangsa yang berteraskan martabat manusia, undang-undang antarabangsa dan kerjasama pelbagai hala.

Menerusi ucapan, kenyataan diplomatik dan ensiklik pertamanya, *Magnifica Humanitas*, Sri Paus menegaskan bahawa keamanan berkekalan tidak bergantung pada kekuatan ketenteraan, tetapi pada penghormatan terhadap martabat setiap insan.

Seruan itu disampaikan ketika nasionalisme, tindakan sepihak dan konflik bersenjata semakin mencabar aturan dunia pasca-Perang Dunia Kedua. Indeks Keamanan Global 2026 merekodkan 61 konflik bersenjata aktif yang melibatkan sekurang-kurangnya satu pihak kerajaan pada 2024, jumlah tertinggi sejak berakhirnya perang tersebut.

Sri Paus memberi amaran bahawa institusi antarabangsa yang dibentuk untuk menjaga kesejahteraan bersama semakin lemah, manakala konflik, ketidakpercayaan dan "budaya kekuasaan" kembali meningkat.

Beliau mengajak masyarakat dunia memilih "peradaban kasih" yang mengutamakan dialog, keadilan dan solidariti.

Menurut Sri Paus, tiada negara mampu menangani cabaran seperti peperangan, penghijrahan dan krisis global secara bersendirian. Oleh itu, diplomasi, undang-undang antarabangsa dan kerjasama pelbagai hala perlu terus diperkukuh.

Para pakar berpendapat bahawa diplomasi Vatikan semakin penting ketika pakatan tradisional dunia semakin tidak stabil.

Takhta Suci dilihat sebagai antara suara utama yang masih mempertahankan multilateralisme serta berusaha membina jambatan perdamaian dan keamanan semula.

Sri Paus Leo juga meneruskan pendekatan para pendahulunya, khususnya Sri Paus Fransiskus, sambil memberikan perhatian kepada pengukuhan institusi dan peranan Gereja di negara-negara Selatan Global.

Di kebanyakan negara tersebut, Gereja bukan sahaja menjadi institusi keagamaan, malah berperanan dalam pendidikan, bantuan kemanusiaan, pendamaian konflik dan usaha memperkukuh demokrasi.

Ketika institusi politik semakin lemah, Gereja dijangka memainkan peranan yang lebih besar dalam usaha membina keamanan dunia. **Media Vatikan**



# Jeritan bumi, jeritan kaum miskin

AMERIKA SYARIKAT: Sebuah inisiatif berkaitan iklim yang diterajui oleh komuniti Katolik di Amerika Syarikat (AS) sedang menimba pengajaran daripada kesan perubahan iklim di Asia serta pengalaman masyarakat di rantau itu dalam usaha memperkukuh tindak balas Gereja sejagat terhadap krisis ekologi.

Inisiatif "Jeritan Bumi, Jeritan Kaum Miskin" menggalakkan sesi mendengar di peringkat paroki mengenai perubahan iklim dan keadilan alam sekitar.

Walaupun berpusat di AS, inisiatif itu turut mengetengahkan cabaran iklim yang semakin serius di Asia.

Menurut Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO), kadar peningkatan suhu di Asia hampir dua kali ganda kadar purata global, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kejadian cuaca ekstrem.

Bank Pembangunan Asia (ADB) menganggarkan bahawa perubahan iklim boleh mengurangkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) rantau itu sebanyak 17 peratus menjelang 2070.

Peningkatan suhu dan aras laut memburukkan kesan siklon tropika, mengancam kawasan pesisir serta mencemari tanah pertanian. Penyusutan glasier di tanah tinggi Asia pula meningkatkan risiko banjir kilat.

Keadaan itu mengancam bekalan air tawar lebih satu bilion penduduk. Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC) pula memberi amaran bahawa menjelang 2080, kira-kira satu bilion penduduk bandar di Asia Selatan dan Asia Tenggara mungkin terdedah kepada gelombang haba yang membawa maut.

Julia McStravog berkata inisiatif itu selaras dengan matlamat proses sinode sejagat.

"Usaha yang anda lakukan hari ini bertujuan memperkukuh persekutuan dalam Gereja, khususnya Gereja tempatan anda. Anda memperkukuh persekutuan itu melalui penyertaan dalam kaedah perbualan yang sedang diamalkan di seluruh dunia," kata McStravog kepada para peserta.

Dalam sesi latihan itu, para peserta diperkenalkan kepada kaedah "Perbualan dalam Roh". Kaedah tersebut menggalakkan peserta menghindari perdebatan atau kecenderungan mempertahankan pendapat peribadi. Sebaliknya, mereka diajak mendengar dengan penuh perhatian dan membuat refleksi.

Uskup Joseph Tyson dari Yakima, Washington, mengaitkan krisis iklim dengan penghijrahan, cuaca ekstrem dan beban generasi muda, selain menyoroti peningkatan suhu serta kebakaran hutan yang semakin memusnahkan alam sekitar.

Para peserta juga berkongsi bagaimana krisis ekologi mempengaruhi kehidupan dan keputusan mereka, selain membincangkan cara Gereja dapat mendampingi komuniti melalui sokongan pastoral, kerjasama, pembaharuan struktur dan tindakan nyata. **LiCAS NEWS**

# Penyertaan aktif dalam liturgi



VATIKAN: Sri Paus Leo XIV menegaskan pentingnya pembaharuan liturgi yang dilaksanakan oleh Konsili Vatikan II (KV II) bagi mendorong umat mengambil bahagian secara aktif dalam perayaan liturgi dan membina hubungan yang lebih mendalam dengan Tuhan.

Dalam Audiensi Umum di Basilika St Petrus pada Ogos 26, Bapa Suci berkata tindakan ritual Gereja bukan sekadar upacara luaran.

Melalui tindakan tersebut, karya keselamatan Tuhan dikenang dan umat diberi peluang untuk mengalami hubungan yang nyata dengan-Nya.

"Melalui tindakan ritual Gereja, ketika kenangan akan karya keselamatan dirayakan, kita diberi peluang untuk mengalami hubungan sejati dengan Tuhan dan bersentuhan dengan peristiwa keselamatan," katanya.

Menurut Sri Paus, gerak tubuh dan kata-kata dalam liturgi suci sangat penting untuk membantu umat mengalami perjumpaan tersebut. Oleh itu, penyertaan umat tidak boleh bersifat pasif.

Katekesis itu merupakan renungan terakhir Sri Paus mengenai Konstitusi tentang Liturgi Suci dalam siri pengajarannya mengenai dokumen KV II.

Dokumen yang diisytiharkan secara rasmi pada 1963 itu merupakan teks pertama KV II. Ia membawa beberapa pembaharuan penting, termasuk penggunaan bahasa tempatan dalam liturgi dan galakan supaya umat mengambil bahagian secara lebih sedar, aktif dan penuh.

Gereja Sri Paus menjelaskan bahawa pembaharuan tersebut tidak muncul secara tiba-tiba.

Usaha memperbaharui liturgi sebenarnya telah bermula sejak awal abad ke-20, jauh sebelum KV II.

Hal ini dapat dilihat melalui beberapa dokumen dan pembaharuan yang diperkenalkan oleh para paus terdahulu.

Bapa Suci memberikan beberapa contoh, antaranya Perlembagaan Apostolik *Divini Cultus* yang diterbitkan oleh Sri Paus Pius XI pada 1928, perubahan waktu perayaan beberapa upacara Minggu Suci oleh Sri Paus Pius XII serta *Motu Proprio Rubricarum instructum* yang diterbitkan oleh St Yohanes XXIII pada 1960.

Menurut Bapa Suci, pembaharuan liturgi KV II berakar kukuh dalam tradisi Gereja yang hidup.

Pemahaman yang betul tentang pembaharuan liturgi dapat mengelakkan penyalahgunaan atau mencegah penyalahgunaan dan pelaksanaan pembaharuan secara melampau.

Sri Paus menegaskan bahawa liturgi ialah perayaan seluruh Gereja. Oleh itu, para uskup dan paderi bertanggungjawab memastikan liturgi dirayakan dengan setia kepada norma Gereja serta menjadi sarana penginjilan.

Beliau turut memetik surat Kardinal Giovanni Battista Montini, yang kemudiannya menjadi Sri Paus Paulus VI, kepada umat Keuskupan Agung Milan pada Oktober 1962.

Dalam surat itu, liturgi digambarkan sebagai ungkapan tulus tentang unsur ilahi dan manusia, bahasa yang menyampaikan ajaran Tuhan serta suara manusia dalam dialog dengan-Nya.

Umat tidak boleh terus berdiam diri dan bersikap pasif kerana kehadiran jasmani tidak seharusnya disertai ketidakhadiran rohani. Liturgi ialah realiti hidup yang sentiasa berkembang sepanjang sejarah dan menyesuaikan bentuknya dengan keperluan zaman. Namun, pembaharuan itu mesti dilaksanakan dengan penuh penghormatan terhadap warisan tradisi. **Media Vatikan**

*Penulis jemputan Berkicau*

# Alkitab diselaputi debu

Iman Kristian lahir daripada perjumpaan dengan Yesus Kristus, Tuhan yang berbicara kepada manusia. Oleh itu, Kitab Suci perlu dibaca dengan penuh penghayatan, bukan secara sambil lewa.

Sebagai orang Kristian, janganlah kita menyimpan Alkitab di dalam almari sehingga diselaputi debu. Memang kita menghadiri Misa pada setiap hari Ahad, tetapi adakah kita benar-benar memahami apa yang hendak disampaikan oleh Tuhan melalui bacaan-bacaan suci?

Dalam bacaan pertama pada Ogos 9, 2026 (1 Raja-Raja 19:9a, 11–13a), Tuhan memerintahkan Nabi Elia berdiri di atas gunung di hadapan-Nya. Kemudian, bertiuplah angin yang sangat kuat sehingga membelah gunung dan menghancurkan batu-batu, tetapi Tuhan tidak hadir dalam angin itu.

Selepas angin, terjadilah gempa bumi, tetapi Tuhan juga tidak hadir dalam gempa bumi itu. Kemudian, datanglah api, tetapi Tuhan tidak hadir dalam api tersebut. Selepas itu, terdengarlah suatu bunyi yang lembut dan halus.

Ketika mendengarnya, Elia menyelubungi wajahnya dengan jubah kerana menyedari kehadiran Tuhan.

Bacaan ini mengingatkan kita bahawa Tuhan sentiasa menyertai, berbicara dan membimbing kita dalam kehidupan serta pekerjaan harian, sering kali melalui ketenangan hati dan perkara-perkara kecil.

Dalam Verbum Domini, Sri Paus Benediktus XVI menegaskan bahawa Tuhan berbicara dan menjalin hubungan dengan kita melalui Kitab Suci dan doa.

Dalam prakata *The Catholic Asian News* edisi Julai 2026 (hlm. 2), editornya, Fr Dr Clarence Devadass, menyatakan bahawa apabila kita membaca Alkitab dengan tekun dan penuh kesedaran, kita mula menyedari bahawa Tuhan dengan sabar memberikan ruang kepada kita untuk berubah, berkembang dan memperbaiki kehidupan.

Alkitab memperkenalkan kepada kita Tuhan yang tidak memaksa manusia untuk berubah. Sebaliknya, Dia mengundang kita untuk membuka hati dan memilih jalan perubahan dengan rela.

Tuhan juga berbicara melalui kisah tokoh-tokoh yang tidak sempurna seperti Abraham, Musa, Daud dan Petrus. Mereka mempunyai kelemahan dan pernah jatuh dalam dosa, tetapi akhirnya kembali ke dalam pelukan Tuhan.

Kisah mereka menunjukkan bahawa Tuhan tidak mencari manusia yang sempurna. Dia mencari mereka yang bersedia mendengar, bertaubat dan kembali kepada-Nya.

Ketika menyampaikan ucapan Angelus di Dataran Santo Petrus, Kota Vatikan, pada Ogos 9, 2026, Sri Paus Leo XIV berbicara tentang Yesus yang menghampiri para murid-Nya dengan berjalan di atas air di tengah-tengah ribut di Laut Galilea (Matius 14:22–33).

Selepas menyaksikan mukjizat penggandaan roti dan ikan, para murid dilanda ketakutan ketika perahu mereka dipukul ribut. Yesus kemudian datang berjalan di atas air dan menenangkan mereka dengan berkata, "Tabahkanlah hatimu! Akulah ini, jangan takut!"

Petrus mula tenggelam apabila dikuasai ketakutan, tetapi Yesus segera menyelamatkannya. Setelah angin reda, para murid mengakui, "Sesungguhnya, Engkau Anak Tuhan!"

Pengalaman para murid mengajar kita supaya tidak menjadi sombong ketika berjaya atau berputus asa ketika menghadapi kesusahan. Dalam kelemahan dan badai kehidupan, kita dapat menyedari kehadiran Tuhan serta menemukan kedamaian.

Walau apa pun keadaan yang kita hadapi, Yesus tidak akan meninggalkan kita. Jika kita dengan rendah hati menjemput-Nya masuk ke dalam "perahu" kehidupan melalui doa, sakramen-sakramen dan kesediaan mendengar firman-Nya, kita akan menemukan kedamaian, cahaya serta kekuatan untuk meneruskan perjalanan. **John Cham**

*Jus rohani untuk jiwa*

# Lima kunci damai Kristian



Setiap manusia merindukan kedamaian, tetapi kedamaian sejati bukan sekadar hidup tanpa masalah atau perselisihan. Dalam iman Katolik, kedamaian merupakan anugerah Tuhan yang lahir daripada hubungan yang erat dengan-Nya, hati yang sedia mengampuni dan kehidupan yang dipenuhi kasih. Yesus sendiri bersabda, "Damai sejahtera Kutinggalkan bagimu. Damai sejahtera-Ku, Kuberikan kepadamu" (Yohanes 14:27). Berikut ialah lima kunci yang dapat membantu kita berjalan menuju kedamaian sejati bersama Kristus.

a***Mendekatkan diri kepada Tuhan melalui doa***

Kedamaian sejati bermula apabila kita meluangkan masa untuk berdoa, membaca Sabda Tuhan dan menyerahkan segala kebimbangan kepada-Nya. Dalam keheningan, kita belajar mendengar suara Tuhan dan mempercayai kehendak-Nya.

a***Mengampuni seperti Kristus mengampuni***

Dendam dan kebencian membebankan hati. Mengampuni bukan bermaksud membenarkan kesalahan seseorang, tetapi membebaskan hati kita daripada luka dan menyerahkan penghakiman kepada Tuhan.

a***Berdamai melalui Sakramen Pengakuan***

Dosa merosakkan hubungan kita dengan Tuhan, sesama dan diri sendiri. Melalui Sakramen Pengakuan, kita menerima pengampunan serta rahmat untuk memulakan hidup yang baharu.

Menerima Yesus dalam Ekaristi ialah sumber kekuatan dan kedamaian bagi umat Katolik. Ketika menerima Tubuh Kristus, kita dipersatukan dengan-Nya dan diteguhkan untuk membawa kasih serta kedamaian kepada orang lain.

a***Menjadi pembawa damai melalui kasih dan pelayanan***

Kedamaian bukan sekadar dirasakan, tetapi perlu diamalkan. Kita dipanggil untuk membantu mereka yang memerlukan, bercakap dengan lemah lembut, mengelakkan perselisihan dan membina semula hubungan yang retak.

Kedamaian tidak tercapai dalam sehari, tetapi dibina sedikit demi sedikit melalui doa, pengampunan, Sakramen Pengakuan, Ekaristi dan pelayanan kepada sesama.

Apabila kita membenarkan Kristus tinggal dan berkarya dalam hati, kita bukan sahaja menerima kedamaian-Nya, malah menjadi pembawa damai kepada keluarga, Gereja dan masyarakat.

Marilah kita memohon rahmat Tuhan agar setiap perkataan dan tindakan kita sentiasa mencerminkan kasih Kristus.

"*Berbahagialah orang yang membawa damai, kerana mereka akan disebut anak-anak Tuhan.*"
— Matius 5:9

**Aleteia**

***MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.***

***Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.***

*Kita boleh menghantar artikel kepada*
***liza@herald.com.my atau***
***WhatsApp: 011-26391498***

Mingguan Katolik
HERALD

**PERMOHONAN DOA SRI PAUS (SEPT)**

***UNTUK PENJAGAAN AIR:***
***Marilah kita berdoa agar sumber air yang amat penting bagi kehidupan dapat diurus secara adil dan lestari, supaya setiap orang memperoleh akses yang sama rata kepadanya.***

September 6, 2026

# Berbeza identiti dan kepercayaan, namun tetap Satu Malaysia



KUALA LUMPUR: Persekutuan Kristian Malaysia (CFM) menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya terus memelihara perpaduan dalam kepelbagaian dan berganding bahu membina negara yang berteraskan sikap saling menghormati, keadilan serta keamanan.

Dalam perutusan sempena Hari Merdeka dan Hari Malaysia 2026 bertarikh Ogos 26, CFM berkata Hari Merdeka memperingati kebebasan negara daripada pemerintahan penjajah dan perjalanan menuju sebuah negara berdaulat, manakala Hari Malaysia menandakan penyatuan Malaya, Sabah dan Sarawak untuk membentuk Malaysia.

Menurut CFM, pembentukan Malaysia melahirkan satu identiti bersama yang menyatukan rakyat tanpa mengira kaum, agama atau latar belakang sejarah.

Identiti bersama itu membawa tanggungjawab untuk membina masyarakat yang bersatu demi kebaikan semua rakyat, selain mengurus kepelbagaian, ikatan sosial dan kekayaan negara dengan baik demi kesejahteraan setiap insan.

**Perpaduan dalam kepelbagaian**

CFM menegaskan bahawa perpaduan tidak bererti semua rakyat perlu menjadi seragam.

Sebaliknya, kekuatan Malaysia terletak pada keupayaan rakyat untuk saling menghormati dan meraikan perbezaan serta bekerjasama, sambil tetap mempertahankan identiti, budaya dan kepercayaan masing-masing.

"Perpaduan tidak bermaksud keseragaman; sebaliknya, ia adalah perpaduan dalam kepelbagaian," menurut perutusan itu.

Pada masa yang sama, CFM mengingatkan rakyat agar tidak memandang ringan keunikan dan keharmonian yang dinikmati negara.

Rakyat perlu sentiasa berwaspada terhadap unsur yang boleh memecahbelahkan masyarakat, termasuk pandangan sempit dan ideologi ekstrem yang boleh meretakkan perpaduan serta mengancam masa depan bersama.

**Kibarkan Jalur Gemilang**

Sempena sambutan bersejarah itu, CFM turut mengajak rakyat mengibarkan Jalur Gemilang di rumah, tempat kerja dan rumah ibadat sebagai lambang yang menyatukan seluruh rakyat Malaysia.

CFM berharap rakyat akan terus berjalan bersama dan berganding bahu dalam membina Malaysia yang berteraskan sikap saling menghormati, perpaduan, keadilan dan keamanan.

"Persekutuan Kristian Malaysia (CFM) mengucapkan kepada seluruh rakyat Malaysia Selamat Hari Merdeka dan Selamat Hari Malaysia yang penuh berkat dan bermakna," menurut perutusan itu.

Perutusan berkenaan ditandatangani Pengerusi CFM, Rev Dr Eu Hong Seng serta tiga Naib Pengerusi, Bishop Datuk Danald Jute, Uskup Agung Julian Leow dan Uskup Ong Sek Leang.

# Gereja Katolik tertua Pulau Pinang raikan 240 tahun



PULAU PINANG: Sambutan ulang tahun ke-240 Gereja Assumption di George Town bukan sekadar mengenang sejarah, tetapi menjadi seruan untuk meneruskan warisan iman kepada generasi akan datang. Gereja Katolik tertua di Pulau Pinang itu meraikan ulang tahunnya pada Ogos 15 dengan Misa Kesyukuran yang dipimpin Kardinal Sebastian Francis dan dikonselebrasikan oleh Fr Edmund Woon, Fr Arulnathan Joseph, Fr Joachim Robert, Fr Jacob Wong MI dan Fr Joseph Meng dari China.

Dalam homilinya, Kardinal Sebastian mengingatkan bahawa ulang tahun tersebut bukan hanya untuk meraikan pencapaian masa lalu, tetapi juga untuk memandang masa depan dengan penuh harapan. "Kamu akan melihat perkara-perkara yang lebih besar," katanya, sambil menegaskan bahawa misi Gereja masih belum selesai.

Beliau menyeru umat untuk mendekati golongan muda, memperkukuh komuniti dan memastikan Gereja terus menjadi tempat umat menemukan iman, harapan serta kebersamaan. Umat juga digalakkan membina komuniti yang tidak membiarkan sesiapa berasa keseorangan dan membawa Kristus melampaui tembok gereja.

Sejarah Gereja Assumption bermula pada 1786 apabila misionari Perancis, Fr Arnold Garnault MEP bersama komuniti Katolik Eurasia mendirikan Gereja pertama di Pulau Pinang yang didedikasikan kepada Maria Diangkat ke Syurga.

Komuniti itu berpindah dari Church Street ke Farquhar Street pada 1860, sebelum bangunan gereja diperluaskan pada 1928. Gereja Assumption turut menyumbang kepada perkembangan pendidikan Katolik, termasuk penubuhan St Xavier's Institution dan Convent Light Street.

Selepas mengharungi dua Perang Dunia dan Pendudukan Jepun, Gereja Assumption berfungsi sebagai katedral dan "Gereja Induk" Keuskupan Pulau Pinang dari 1955 hingga 2003. Pada 1988, ia bersama tiga gereja lain membentuk City Parish. Sambutan ulang tahun turut memberi penghormatan kepada komuniti Eurasia yang menjadi sebahagian penting daripada sejarah gereja sejak penubuhannya.

Sebuah plak peringatan di taman Gereja diberkati bagi mengenang generasi yang menyumbang kepada pertumbuhan komuniti tersebut.

Antara khazanah bersejarah gereja ialah organ paip yang diperoleh dari England pada 1914 dan dipasang pada 1916. Ia merupakan organ paip kedua tertua di Malaysia yang masih boleh dimainkan dan terus digunakan dalam ibadat selepas dipulihkan pada 2013.

Sambutan ulang tahun ke-240 dimeriahkan dengan persekutuan, upacara memotong kek dan "*Eurasian Fiesta*", sebelum berakhir pada Ogos 22 dengan konsert yang menampilkan organ paip bersejarah serta muzik sakral. Selepas 240 tahun, cabaran bagi Gereja Assumption bukan sekadar memelihara apa yang dibangunkan generasi terdahulu, tetapi meneruskan apa yang telah mereka mulakan.

# Umat Indonesia di SHC syukuri 81 tahun Kemerdekaan



KOTA KINABALU: Katedral Sacred Heart (SHC) bersama umat Indonesia memperingati Hari Kemerdekaan Republik Indonesia ke-81 dalam Misa Kudus sempena sambutan kemerdekaan negara itu yang jatuh pada Ogos 17.

Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Wilson Francis itu menjadi saat istimewa bagi komuniti Indonesia yang hadir untuk bersama-sama mengucap syukur dan berdoa bagi tanah air mereka.

Sambutan tersebut turut memperlihatkan penglibatan aktif warga Indonesia dalam liturgi. Mereka mengambil bahagian dalam beberapa pelayanan, termasuk koir, warden dan pewarta Sabda.

Penglibatan itu bukan sahaja memeriahkan perayaan Ekaristi, tetapi turut menjadi tanda iman yang hidup serta ungkapan kasih mereka terhadap tanah air, walaupun berada jauh dari negara asal.

Dalam suasana penuh kesyukuran, umat bersama-sama mendoakan Republik Indonesia sempena ulang tahun kemerdekaannya, di samping memohon berkat Tuhan agar keamanan, keharmonian dan kesejahteraan terus menyertai rakyat negara itu.

Perayaan tersebut juga menjadi kesempatan untuk mengeratkan hubungan antara komuniti Indonesia dan umat tempatan, sekali gus memperlihatkan semangat persaudaraan yang melampaui perbezaan bangsa dan kewarganegaraan.

Selepas Misa Kudus, sambutan diteruskan dengan jamuan makan tengah hari bersama. Dalam suasana penuh kegembiraan, umat berpeluang beramah mesra serta berkongsi sukacita sempena hari bersejarah itu.